A

## PP lwn. AZRIEZA MOHD KAMIL

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
WENDY OOI SU GHEE PK
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-42H-13-07-2023]
23 JANUARI 2024

B

**Abstrak** – *Prinsip am undang-undang jenayah menegaskan bahawa kepentingan awam harus diutamakan, berbanding kepentingan peribadi, dalam mempertimbangkan hukuman atas seorang pesalah. Undang-undang jenayah dikuatkuasakan bukan sahaja demi menghukum penjenayah tetapi juga dengan harapan mencegah jenayah itu. Hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan bukan sahaja dapat menghukum seorang pesalah, agar tidak mengulangi kesalahan itu, bahkan dapat menghalang atau mencegah masyarakat daripada melakukan kesalahan yang sama. Oleh itu, kepentingan awam hanya akan tercapai jika hukuman yang berpadanan, dengan keseriusan satu-satu kesalahan, dijatuhkan.*

C

D

E

F

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman – Prinsip-prinsip penghukuman – Tertuduh pengasuh – Tertuduh menggoncang dan menghempas mangsa ke atas 'playmat', menyebabkan mangsa mengalami pendarahan di dalam otak – Tertuduh didapati bersalah bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 – Tertuduh dikenakan hukuman denda, diletakkan bawah bon kelakuan baik dan diperintahkan menjalani khidmat masyarakat – Sama ada hukuman denda sesuai – Sama ada hukuman yang dijatuhkan setimpal, mencukupi dan berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan – Sama ada hakim bicara mengambil kira keseriusan dan keberatan kesalahan tertuduh – Sama ada kepentingan awam dan kepentingan tertuduh diimbangi – Hukuman yang wajar dijatuhkan*

G

H

I

Pengadu telah menghantar anaknya ('mangsa'), yang berumur empat bulan, ke sebuah taska pada waktu pagi. Apabila pengadu mengambil mangsa, iaitu petang hari yang sama, mangsa dalam keadaan yang sangat lemah dan tidak menunjukkan apa-apa reaksi. Pengadu membawa mangsa ke hospital dan, susulan pemeriksaan, pengadu dimaklumkan bahawa terdapat pendarahan di dalam otak mangsa. Ini mendorong pengadu membuat laporan polis dan hasil siasatan mendedahkan, menerusi rakaman CCTV di taska tersebut, bahawa pengasuh ('responden') di taska tersebut telah menggoncang dan menghempas mangsa ke atas 'playmat' pada hari kejadian. Responden dituduh di Mahkamah Sesyen kerana, sebagai seorang yang mempunyai hubungan pemeliharaan terhadap mangsa, telah melakukan penganiayaan sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal, satu kesalahan bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 ('Akta'). Pada penutup kes, perayu didapati bersalah, disabitkan atas kesalahan seperti dalam pertuduhan dan (i) dikenakan denda RM50,000, jika gagal bayar, 12 bulan penjara;

(ii) diletakkan bawah bon kelakuan baik selama tiga tahun, dengan seorang penjamin, dengan cagaran sebanyak RM2,000; dan (iii) diperintahkan menjalani khidmat masyarakat selama 120 jam bermula dari tarikh jatuh hukuman. Maka timbul rayuan ini oleh pihak pendakwaan terhadap hukuman yang dijatuhkan. Menyokong rayuannya, pihak pendakwaan menegaskan bahawa hakim bicara terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana: (i) hukuman yang dijatuhkan terhadap responden adalah ringan, tidak mencukupi dan tidak berpadanan demi menjaga kepentingan awam; (ii) gagal mengambil kira keseriusan kesalahan responden yang melibatkan penderaan mangsa dengan niat jahat; dan (iii) terlalu menitikberatkan mitigasi responden sedangkan lain-lain faktor pemberatan, seperti jenis dan akibat kesalahan tersebut, sepatutnya diberi keutamaan.

**Diputuskan (membenarkan sebahagian rayuan):**

**(1)** Prinsip-prinsip penghukuman yang diterima pakai, serta trend hukuman atas pesalah yang dituduh bawah s. 31(1)(a) Akta, bergantung pada jenis kesalahan yang dilakukan atas mangsa kanak-kanak. Kesalahan bawah s. 31(1)(a) Akta, yang melibatkan kecederaan fizikal, biasanya akan melibatkan hukuman penjara; apatah lagi kecederaan fizikal yang serius. Walaupun responden kini menjalani hukuman penjara kerana gagal membayar denda yang dikenakan, adakah hukuman penjara, dan bukan hukuman denda, yang sepatutnya dijatuhkan atas responden? Mangsa telah menderita kesakitan tubuh yang amat sangat kerana rawatan susulan dibuat dari tarikh kejadian, iaitu 3 Mei 2023 hingga 17 Mei 2023. Oleh itu, kecederaan yang dialami mangsa sememangnya terangkum dalam definisi 'parah' bawah s. 325 Kanun Keseksaan, iaitu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat selama sepuluh hari. Hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan keseriusan kesalahan dan mestilah mencerminkan tahap ketidaksetujuan orang ramai terhadap jenis tingkah laku jenayah tersebut; lebih menjijikkan tingkah laku jenayah, maka lebih beratlah hukumannya. (perenggan 37, 38, 43, 53 & 58)

**(2)** Hakim bicara gagal mengambil kira semua fakta yang relevan, khususnya fakta dan keadaan kes serta faktor kepentingan awam yang hanya akan tercapai jika hukuman setimpal diberikan untuk kesalahan yang dilakukan. Sebaliknya, hakim bicara telah menitikberatkan faktor mitigasi responden yang lebih bersifat peribadi. Hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara tidak menggambarkan keseriusan dan keberatan kesalahan tersebut serta terlampau kurang. Faktor kepentingan awam mengkehendaki hukuman deterrent agar dapat dijadikan pengajaran buat responden, khasnya, dan peringatan buat masyarakat, amnya, bahawa keselamatan dan kebajikan kanak-kanak tidak boleh dipandang ringan. Hakim bicara gagal menuruti prinsip undang-undang penghukuman yang diterima pakai lantas tersalah arah

apabila menjatuhkan hukuman atas responden. Hukuman yang dijatuhkan gagal mengimbangi antara kepentingan awam dan kepentingan responden. (perenggan 68-71)

**(3)** Sebahagian rayuan perayu dibenarkan iaitu (i) hukuman denda RM50,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara, yang dijatuhkan oleh hakim bicara, diketepikan dan diganti dengan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh jatuh hukuman; dan (ii) perintah khidmat masyarakat selama 120 jam dikekalkan tetapi tarikh mula pelaksanaan perintah tersebut iaitu dari tarikh jatuh hukuman, seperti yang diperintahkan oleh hakim bicara, diganti dengan selepas selesai menjalani hukuman penjara. Hukuman-hukuman sampingan, iaitu bon berkelakuan baik dengan jaminan RM2,000 dengan satu penjamin selama tiga tahun, dikekalkan. (perenggan 72)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139 FC* ***(dirujuk)***
*Bun Lit Chun v. PP [2014] 7 CLJ 416 HC* ***(dirujuk)***
*Fan Yew Teng v. PP [1975] CLJU 38; [1975] 1 LNS 38 FC* ***(dirujuk)***
*Ganesan Nachiappan & Ors v. PP [2000] 3 CLJ 302 CA* ***(dirujuk)***
*Hossain v. PP [2008] 7 CLJ 560 HC* ***(dirujuk)***
*Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals [1998] 3 CLJ 769 CA* ***(dirujuk)***
*Loh See Lei lwn. PP [2021] CLJU 1389; [2021] 1 LNS 1389 HC* ***(dirujuk)***
*Noor Amie Abd Rahman lwn. PP [2020] 10 CLJ 686 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Asmarani Ghazali [2020] 2 CLJ 319 CA* ***(dirujuk)***
*PP v. Basri Talib [2006] 4 CLJ 1019 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Jafa Daud [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Ling Leh Hoe [2015] 4 CLJ 869 CA* ***(dirujuk)***
*PP v. Loo Choon Fatt [1976] CLJU 102; [1976] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Shahrul Azuwan Adanan & Anor [2013] 2 CLJ 686 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Sulaiman Ahmad [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447 HC* ***(dirujuk)***
*Rex v. Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164* ***(dirujuk)***
*Woo Kim Wai lwn. PP [2019] CLJU 2188; [2019] 1 LNS 2188 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Child Act 2001, s. 31(1)(a)
Penal Code, ss. 320, 325

*Bagi pihak perayu - Mary Phoon Keat Mee; TPR*
*Bagi pihak responden - T/n Syarifuddin Zaid Chambers*

*Dilaporkan oleh Najib Tamby*

## PENGHAKIMAN

**Wendy Ooi Su Ghee PK:**

**Pengenalan**

**[1]** Ini adalah rayuan daripada perayu terhadap hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas responden pada 22 Jun 2023 iaitu hukuman denda sebanyak RM50,000 jika gagal dibayar 12 bulan penjara,

diletakkan di bawah bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin dengan cagaran sebanyak RM2,000 serta menjalani khidmat masyarakat sebanyak 120 jam bermula dari tarikh jatuh hukum.

**Latar Belakang**

**[2]** Responden telah dihadapkan dengan pertuduhan di bawah s. 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) iaitu:

> Bahawa kamu pada 3.5.2023, jam lebih kurang 10:14 pagi, di taska Vonad yang beralamat Pangsapuri Kajang Impiana, Jalan Kajang Impian 2/7, Taman Kajang Impian, dalam Daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai seorang yang mempunyai hubungan pemeliharaan kepada Nurul Ameena binti Muhammad Afiq (No. K/P: 221212-10-0898) berusia 4 bulan telah melakukan penganiayaan iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dengan cara menggoncang dan menghempas kanak-kanak itu di atas 'playmat'. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah sekyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

**[3]** Demi kemudahan rujukan dan pemahaman, s. 31 AKK 2001 memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Mana-mana orang yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak:
>
> (a) yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian;
>
> (b) ...
>
> melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya

**[4]** Responden telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut yang telah dibacakan dan diterangkan kepadanya dalam Bahasa Malaysia oleh jurubahasa mahkamah.

**[5]** Hakim bicara telah menerima pengakuan salah responden setelah berpuas hati (i) responden memahami sifat dan akibat pengakuan salahnya tersebut serta (ii) responden mengakui benar akan fakta kes (P2) setelah ia dibaca dan dijelaskan oleh jurubahasa mahkamah kepada responden serta kesemua ekshibit yang dikemukakan oleh pihak perayu (pendakwaan) (P3-P20).

**[6]** Ringkasan fakta kes sebagaimana yang dihujahkan oleh perayu adalah dinyatakan semula di bawah ini:

**2. Ringkasan Fakta Kes**

2.1 Pada 3.5.2023, jam lebih kurang 8 pagi, pengadu iaitu Muhammad Afiq bin Ab Rahim telah menghantar anaknya yang bernama Nur Ameena binti Muhammad Afiq iaitu mangsa ke Taska Vonad yang beralamat Pangsapuri Kajang Impiana, Jalan Kajang Impian 2/7, Taman Kajang Impian, Bandar Baru Bangi.

2.2 Pada hari yang sama, jam lebih kurang 2:00 petang, pengadu telah dimaklumkan oleh pengasuh iaitu Responden bahawa mangsa berkemungkinan sakit perut dan tidak berjaya untuk membuang air besar. Mangsa juga telah menunjukkan reaksi meneran sehingga kaki dan tangannya menggeletar dan juga muntah lendir.

2.3 Pada hari yang sama, jam lebih kurang 5:15 petang, apabila pengadu mengambil mangsa, pengadu mendapati mangsa dalam keadaan yang sangat lemah dan tidak menunjukkan sebarang reaksi lalu telah membawa mangsa ke Hospital KPJ Kajang untuk mendapatkan rawatan dan kemudian merujuk ke Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur untuk pemeriksaan lanjut.

2.4 Setelah pemeriksaan dibuat, Doktor telah memaklumkan pengadu bahwa terdapat pendarahan di dalam otak dan telah meminta pengadu untuk membuat laporan polis.

2.5 Oleh itu, satu laporan polis telah dibuat oleh pengadu dengan nombor repot Kajang l6169/23.

2.6 Pada 13.5.2023, jam lebih kurang 2:30 pagi, sepasukan polis telah pergi ke rumah yang beralamat B-1-29, Pangsapuri Kajang Impiana, Jalan Kajang Impian 2/7, Taman Kajang Impian, 43000 Bandar Baru Bangi Selangor untuk menangkap Responden untuk dibawa balik ke balai polis untuk siasatan lanjut.

2.7 Hasil siasatan mendapati dekoder rakaman CCTV yang diperolehi daripada pihak taska menunjukkan bahawa Responden telah menggoncang dan menghempas mangsa di atas 'playmat' pada hari kejadian.

**[7]** Justeru itu, hakim bicara telah mendapati responden bersalah dan mensabitkannya dengan kesalahan sepertimana dalam pertuduhan. Responden telah dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM50,000 jika gagal dibayar 12 bulan penjara dan diletakkan di bawah bon kelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin dengan cagaran sebanyak RM2,000 serta dikehendaki menjalani khidmat masyarakat sebanyak 120 jam bermula dari tarikh jatuh hukum.

**[8]** Terkilan dengan hukuman tersebut, perayu telah memfailkan notis rayuan pada 5 Julai 2023 terhadap keputusan hukuman hakim bicara.

**Rayuan**

**[9]** Dalam petisyen rayuan, perayu telah merayu terhadap hukuman hakim bicara berdasarkan alasan-alasan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila:

(i) tidak mengenakan hukuman berat seperti yang diperuntukkan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000-00) atau penjara selama tempoh tidak melebihi (20) tahun atau kedua-duanya. Hukuman yang dijatuhkan terhadap Responden adalah ringan dan tidak mencukupi.

(ii) gagal mengambil kira graviti kesalahan responden yang serius di mana kesalahan tersebut merupakan jenayah kanak-kanak (tidak mampu mempertahankan diri) yang mendatangkan trauma dan impak besar terhadap mangsa meskipun perkara tersebut dinyatakan dalam Alasan Penghakimannya. Cara responden mendera mangsa melalui bukti video yang ditayangkan pihak pendakwaan amatlah melampau kerana responden mempunyai tanggungjawab menjaga keselamatan dan menjaga keperluan mangsa semasa dalam jagaannya.

(iii) gagal mengambil kira perbuatan responden mendera mangsa dengan niat jahat telah menyebabkan mangsa mengalami pendarahan kepala melalui CT Scan, pendarahan di selaput retina dan semasa hukuman dijatuhkan, mangsa masih dalam rawatan wad bagi tujuan pembedahan.

(iv) gagal mengambil kira bahawa mangsa dalam kes ini adalah vulnerable and defenceless dan memerlukan masyarakat dan undang-undang untuk mempertahankan kepentingan mangsa sebagai kanak-kanak (best interest of the child).

(v) terlalu menitikberatkan status responden yang merupakan pesalah pertama sedangkan hukuman yang dikenakan tidak berpadanan untuk menjaga kepentingan awam dan menjadi faktor 'deterrence' serta pengajaran kepada responden dan bakal pesalah yang lain.

(vi) terlalu mementingkan faktor-faktor mitigasi responden sedangkan terdapat faktor-faktor pemberatan yang lain yang sepatutnya diberikan keutamaan seperti jenis dan akibat kesalahan tersebut.

**[10]** Secara rumusan, alasan-alasan di dalam petisyen rayuan tersebut adalah hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila (i) hukuman yang dijatuhkan terhadap responden adalah ringan dan tidak mencukupi serta tidak berpadanan untuk menjaga kepentingan awam; (ii) gagal mengambil kira graviti kesalahan responden yang serius yang melibatkan penderaan mangsa dengan niat jahat; dan (iii) terlalu menitikberatkan mitigasi responden sedangkan faktor pemberatan yang lain seperti jenis dan akibat kesalahan tersebut yang sepatutnya diberikan keutamaan.

**[11]** Sebaliknya, berdasarkan penghujahan bertulis peguam bela responden bertarikh 11 Disember 2023 bersama ikatan autoriti peguam bela responden, pihak responden berhujah keputusan hakim bicara adalah betul dan tepat berdasarkan lunas undang-undang yang betul, maka hukuman yang diberikan adalah berpatutan dan adil untuk kesemua pihak.

A **Dapatan Mahkamah Ini**

**[12]** Adalah prinsip am undang-undang bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengganggu sesuatu hukuman yang dijatuhkan melainkan ia dapat ditunjukkan bahawa dalam hal keadaan sesuatu kes tersebut, hukuman tersebut terlampau berat atau ringan ataupun dalam
B menetapkan hukuman tersebut, mahkamah bicara telah gagal menimbang semua faktor-faktor yang relevan secara mencukupi sama ada untuk atau terhadap pesalah yang berkenaan (*PP v. Sulaiman Ahmad* [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447; [1993] 1 MLJ 74).

C **[13]** Dalam pada itu, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah sesuatu hukuman hanya kerana ia mungkin menjatuhkan hukuman yang berlainan. Walau bagaimanapun, hukuman yang dijatuhkan hendaklah mengimbangi kepentingan awam dan kepentingan tertuduh (*PP v. Loo Choon Fatt* [1976] CLJU 102; [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256).

D **[14]** Prinsip ini telah dinyatakan dalam *Bun Lit Chun v. PP* [2014] 7 CLJ 416 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

> An appellate court should be slow to interfere or disturb the sentence passed by the lower court unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to prove the facts and circumstances. The mere fact that another court might pass a different sentence is not
E a reason for the appellate court interference if the trial court applies the correct principles in the assessment of the sentence.

**[15]** Juga, dalam kes *Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 769; [1998] 3 MLJ 14, Gopal Sri Ram HMR, dalam menyampaikan keputusan
F Mahkamah Rayuan, antara lain, menyatakan seperti berikut:

> Suffice to say that a court should, when sentencing an accused take into account all considerations, relevant to the case, including the gravity of the offence, the circumstances surrounding the commission of the offence, the antecedents of the accused, the deterrent effect that punishment is to have, any factor that warrants special attention either in
G favour or against the accused and above all the public interest. Reasons must be given for imposing a particular sentence to enable an appellate court to ensure that there has been no error in principle.

**[16]** Dalam erti kata lain, mahkamah yang mendengar rayuan hanya akan campur tangan dan membuat pengubahan terhadap sesuatu hukuman apabila
H berpuas hati hukuman yang dijatuhkan didapati tersilap dari segi prinsip atau jika hukuman adalah terlampau keterlaluan ("manifestly excessive") atau terlampau kekurangan ("manifestly inadequate").

**[17]** Selanjutnya, kuasa hukuman adalah terletak di atas budi bicara
I mahkamah yang membicarakan sesuatu kes. Mahkamah bicara mempunyai hak dan tanggungjawab sama ada bersikap lembut atau keras namun budi

bicara hakim bicara hendaklah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip hukuman sebagaimana yang digariskan dalam kes *PP v. Jafa Daud* [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28 serta *Ganesan Nachiappan & Ors v. PP* [2000] 3 CLJ 302; [2000] 3 AMR 2621.

**[18]** Berhubung dengan prinsip ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139 telah menegaskan;

> Therefore, sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

**[19]** Biarpun demikian, ini tidak bermakna undang-undang menafikan kuasa budi bicara mahkamah atasan untuk mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah bawahan.

**[20]** Kuasa budi bicara ini bolehlah dilaksanakan dalam beberapa keadaan tertentu sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Ling Leh Hoe* [2015] 4 CLJ 869 yang telah menyenaraikan keadaan-keadaan berikut yang mewajarkan campur tangan mahkamah atasan terhadap mahkamah bawahan:

> [14] The appellate court can and will interfere in the sentence imposed by the lower court if it is satisfied that any of the following four grounds are made out:
>
> (a) The sentencing judge had made a wrong decision as to the proper factual basis for the sentence;
>
> (b) There had been an error on the part of the trial judge in appreciating the material facts placed before him;
>
> (c) The sentence was wrong in principle; or
>
> (d) The sentence imposed was manifestly excessive or inadequate.

**[21]** Di dalam alasan penghakimannya (ms. 22), hakim bicara berpendapat hukuman denda adalah munasabah serta setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden berdasarkan mitigasi yang dibangkitkan iaitu responden:

(i) berusia 29 tahun;

(ii) masih bujang;

(iii) berpenyakit saraf, paru-paru dan darah tinggi biarpun tiada bukti pengesahan oleh doktor dikemukakan;

(iv) menanggung ayah yang tidak sihat;

(v) berada di reman selama enam hari yang berjumlah kepada pengajaran dan keinsafan kepada responden.

**[22]** Faktor-faktor mitigasi lain yang dibangkitkan oleh responden adalah:

(i) pengakuan salah;

(ii) penjimatan kos dan masa mahkamah;

(iii) pesalah pertama;

(iv) responden telah bekerjasama dengan polis semasa siasatan;

(v) responden berjanji tidak akan melakukan lagi malah memohon maaf atas kesalahan serta bersetuju berjumpa dengan keluarga mangsa untuk memohon maaf.

**[23]** Adalah prinsip am undang-undang jenayah bahawa kepentingan awam harus diutamakan apabila mempertimbangkan hukuman ke atas seseorang pesalah (sila lihat *Rex v. Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164; *Fan Yew Teng v. PP* [1975] CLJU 38; [1975] 1 LNS 38; [1975] 2 MLJ 235).

**[24]** Rayuan ini melibatkan suatu kesalahan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001. Oleh itu, dalam mempertimbangkan faktor kepentingan awam, adalah amat penting hasrat Parlimen diteliti apabila menggubal AKK 2001 tersebut. Mukadimah AKK 2001 jelas menyatakan AKK 2001 adalah suatu Akta yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

**[25]** AKK 2001 juga mengakui bahawa seseorang kanak-kanak, oleh sebab ketidakmatangannya dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas, selepas kelahiran, untuk membolehkannya turut serta dalam dan menyumbang secara positif ke arah membentuk suatu masyarakat Malaysia madani yang unggul.

**[26]** Pada tahun 2015, pindaan telah dibuat ke atas s. 31(1) AKK 2001. Pindaan tersebut telah membawa kepada kenaikan hukuman yang lebih berat bagi mereka yang didapati menyalahgunakan, mengeksploitasi atau mengabaikan kanak-kanak. Hukuman denda telah dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000 manakala hukuman penjara maksimum dinaikkan daripada sepuluh tahun kepada 20 tahun. Ini jelas menunjukkan Parlimen memandang serius akan isu penderaan kanak-kanak.

**[27]** Berdasarkan fakta kes pendakwaan dalam rayuan ini, kanak-kanak tersebut hanya berusia empat bulan semasa kejadian. Responden pula adalah pengasuh yang telah diamanahkan oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk menjaga anak mereka di taska sementara mereka berdua keluar bekerja. Akibat perbuatan responden dalam menggoncang dan menghempas kanak-kanak tersebut di atas "playmat", beliau telah mengalami kecederaan pendarahan dalam otak, pendarahan dalam selaput retina malah masih menjalani rawatan susulan. Laporan-laporan perubatan P16 dan P19 adalah dirujuk.

**[28]** Dalam mengimbangi faktor-faktor pemberatan dan peringanan, adakah hakim bicara telah berpandukan kepada prinsip undang-undang penghukuman dan mendahulukan faktor kepentingan awam berlandaskan fakta kes pendakwaan berbanding dengan faktor mitigasi responden sebelum menjatuhkan hukuman-hukuman ke atas responden? Adakah kepentingan awam telah dicapai dari hukuman yang diberikan oleh hakim bicara? Adakah hukuman tersebut setimpal dengan kesalahan responden atau adakah ia terlampau berkurangan (manifestly inadequate) sebagaimana yang dihujahkan oleh perayu?

**[29]** Undang-undang jenayah dikuatkuasakan bukan sahaja bertujuan menghukum jenayah tetapi juga dengan harapan untuk mencegahnya. Dalam pada itu, hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan bukan sahaja akan dapat menghukum seseorang pesalah agar tidak mengulangi kesalahannya malah dapat menghalang/mencegah yang lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Justeru itu, kepentingan awam hanya akan tercapai sekiranya hukuman setimpal diberikan bagi kesalahan yang dilakukan.

**[30]** Peguam bela responden telah merujuk kepada *PP v. Basri Talib* [2006] 4 CLJ 1019; [2007] 2 MLJ 193 serta *Loh See Lei lwn. PP* [2021] CLJU 1389; [2021] 1 LNS 1389; [2021] MLJU 1728 dalam penghujahan mereka bahawa hukuman hakim bicara adalah betul dan adil bagi semua pihak.

**[31]** Secara ringkasnya, dalam *PP v. Basri Talib* (*supra*), seorang bapa telah dituduh di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 kerana mendera anak perempuannya yang berusia sembilan tahun enam bulan secara fizikal sehingga menyebabkan kecederaan diseluruh badan anaknya. Bapa tersebut telah menggunakan tangan serta tali pinggang beliau untuk mendera anaknya.

**[32]** Mahkamah Tinggi Melaka telah membenarkan sebahagian rayuan si bapa dengan mengurangkan hukuman penjara terhadapnya dari dua tahun ke satu tahun. Alasan pengurangan hukuman penjara adalah agar si bapa dapat kembali ke pangkuan keluarganya dan menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau kepada keluarganya. Tambahan pula, kanak-kanak tersebut akan dijaga oleh ibu tirinya sementara si bapa meringkuk dalam penjara.

**[33]** Dalam pada itu, Hakim Mahkamah Tinggi Melaka berpendapat kanak-kanak tersebut akan dinafikan kasih sayang ibu bapa dan sokongan kewangan sekiranya hukuman penjara yang lama dijatuhkan ke atas si bapa. Kemungkinan juga ibu tiri yang tidak bekerja akan terus meninggalkan rumah perkahwinan ("matrimonial home") serta kanak-kanak tersebut.

**[34]** Dalam kes *Loh See Lei lwn. PP* (*supra*) pula, seorang ibu telah mengaku salah ke atas kesalahan memukul anak lelakinya yang berusia dua tahun tiga bulan sehingga menyebabkan kesakitan pada tubuh badan. Mahkamah Tinggi Klang telah membenarkan sebahagian rayuan si ibu yang dihukum penjara lima tahun bagi kesalahan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001.

**[35]** Hakim Mahkamah Tinggi Klang telah mengetepikan hukuman penjara dan menggantikannya dengan hukuman denda sebanyak RM20,000 jika tak bayar 12 bulan penjara. Alasan pengetepian hukuman penjara adalah tindakan si ibu adalah satu bentuk tindak balas daripada seorang ibu atas anak apabila melihat anaknya memanjat. Ini adalah kerana pada pandangan si ibu, perbuatan memanjat adalah perkara yang berbahaya. Biarpun adalah sedikit keterlaluan, namun tindakan si ibu adalah untuk mendidik anaknya yang masih kecil.

**[36]** Mahkamah ini mendapati kedua-dua kes *PP v. Basri Talib* (*supra*) serta *Loh See Lei lwn. PP* (*supra*) dapat dibezakan sama sekali dari segi fakta dengan rayuan ini. Kedua-dua pesalah dalam kes-kes tersebut adalah bapa dan ibu kepada kanak-kanak tersebut. Sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Melaka dalam *PP v. Basri Talib* (*supra*), hukuman penjara yang panjang ke atas si bapa akan memberikan kesan negatif ke atas kanak-kanak tersebut. Dalam *Loh See Lei lwn. PP* (*supra*) pula, tindakan si ibu adalah untuk mendidik anaknya.

**[37]** Biarpun demikian, adalah dapatan mahkamah ini prinsip-prinsip penghukuman yang diterima pakai berserta trend hukuman ke atas pesalah yang dituduh di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan ke atas mangsa kanak-kanak. Sebagaimana yang diputuskan dalam *Loh See Lei lwn. PP* (*supra*), hukuman denda telah dijatuhkan bagi pertuduhan ke atas si ibu yang telah memukul anaknya sehingga menyebabkan kesakitan pada tubuh badan kanak-kanak tersebut.

**[38]** Dalam pada itu, kesalahan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 yang melibatkan kecederaan fizikal biasanya akan melibatkan hukuman penjara apatah lagi kecederaan fizikal yang serius.

**[39]** Sebagai contoh, dalam *Woo Kim Wai lwn. PP* [2019] CLJU 2188; [2019] 1 LNS 2188; [2019] MLJU 1727, hukuman penjara 15 bulan telah dijatuhkan ke atas si bapa yang telah melakukan penganiayaan ke atas anaknya dengan menggunakan hanger dan tangan memukul anaknya sehingga menyebabkan beliau mengalami kecederaan fizikal biarpun tiada sebarang kecederaan dalaman.

**[40]** Begitu juga dalam kes *Noor Amie Abd Rahman lwn. PP* [2020] 10 CLJ 686; [2021] 8 MLJ 175 di mana hukuman penjara selama lima tahun ke atas si ibu telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di atas kesalahan menganiaya anaknya sehingga menyebabkan kecederaan fizikal yang sangat teruk di seluruh badan kanak-kanak tersebut.

**[41]** Di dalam rayuan ini, responden adalah pengasuh yang telah diamanahkan oleh ibu bapa mangsa kanak-kanak tersebut untuk menjaga anak mereka di taska sementara mereka berdua keluar bekerja. Namun, mangsa kanak-kanak tersebut telah dianiayai responden sehingga mengalami

kecederaan fizikal yang serius dan bukan sekadar dipukul sehingga mengalami kesakitan pada tubuh badan sepertimana dalam kes *Loh See Lei lwn. PP* (*supra*). Cara responden menggoncang dan menghempas kanak-kanak tersebut di atas 'playmat' telah menyebabkan kecederaan pendarahan dalam otak dan pendarahan dalam selaput retina kanak-kanak tersebut. Menurut laporan perubatan P16, kanak-kanak tersebut masih menjalani rawatan susulan.

**[42]** Hakim bicara telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 jika tak bayar 12 bulan penjara berserta hukuman sampingan yang lain.

**[43]** Ekoran kegagalan responden membayar denda tersebut, responden kini sedang menjalani hukuman penjara. Biarpun begitu, adakah hukuman penjara dan bukannya hukuman denda yang sepatutnya dijatuhkan ke atas responden?

**[44]** Adalah dapatan mahkamah ini, berlandaskan prinsip undang-undang yang dinyatakan di atas, hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor kepentingan awam berdasarkan fakta dan keadaan kes, sebaliknya, hakim bicara lebih menitikberatkan rayuan mitigasi responden yang lebih bersifat peribadi.

**[45]** Misalannya, faktor-faktor mitigasi bahawa responden telah mengaku salah, telah insaf dan tidak akan mengulanginya lagi, telah sedar dan menyesal dengan kesalahan yang dilakukannya, merupakan pesalah pertama serta telah bekerjasama dengan pihak polis. Isu-isu kesihatan responden telah juga diambil kira oleh hakim bicara biarpun beliau mengakui tiada laporan perubatan yang dikemukakan oleh responden. Sebaliknya, penghujahan perayu bahawa mangsa kanak-kanak tersebut telah menjadi buta tidak diambil kira oleh hakim bicara ekoran ketiadaan laporan perubatan yang dikemukakan.

**[46]** Biarpun dalam alasan penghakimannya dapat dilihat hakim bicara telah mengambil kira faktor kepentingan awam, keseriusan kesalahan dan fakta dalam kes, namun hukuman yang dijatuhkan ke atas responden tidak menggambarkan sedemikian. Dalam pada itu, adalah dapatan mahkamah ini, hakim bicara gagal "appreciate" tahap seriusnya kecederaan fizikal yang dialami oleh kanak-kanak tersebut.

**[47]** Alangkah baiknya jika dengan hanya melafazkan kata-kata bahawa responden telah mengaku salah, insaf dan mendapat pengajaran, serta memohon maaf kepada mahkamah dan keluarga mangsa, hukuman pemenjaraan dapat dielakkan. Ini mungkin dapat dicapai seandainya kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak adalah tidak seteruk dan parah seperti dalam rayuan ini.

**[48]** Dalam pada itu, adalah dapatan mahkamah ini bahawa kepentingan awam akan dicapai sekiranya hukuman penjara dijatuhkan ke atas responden. Ini adalah kerana penganiayaan responden telah menyebabkan kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal yang serius dan parah.

**[49]** Sepanjang undang-undang jenayah, kesalahan-kesalahan yang melibatkan kecederaan fizikal yang serius akan membawa kepada hukuman penjara dan bukannya hukuman denda. Misalannya, kesalahan menyebabkan cedera parah di bawah s. 325 Kanun Keseksaan (KK).

**[50]** Definisi "parah" pula diperuntukkan di bawah s. 320 KK, yang antara lain, termasuk apa-apa cedera yang membahayakan nyawa atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama sepuluh hari.

**[51]** Semasa pendengaran rayuan ini, pihak perayu telah mengemukakan dua salinan laporan perubatan kanak-kanak tersebut iaitu laporan perubatan (medical report) Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 1 Ogos 2023 serta 11 Ogos 2023 masing-masing dikeluarkan oleh Hospital Tunku Azizah (Hospital Wanita dan Kanak-Kanak) Kuala Lumpur. Pihak responden tidak membantah terhadap pengemukaan laporan-laporan perubatan tersebut.

**[52]** Menurut laporan perubatan bertarikh 11 Ogos 2023 tersebut, kanak-kanak tersebut telah dimasukkan ke wad neurosurgical dari 4 Mei 2023 hingga 17 Mei 2023.

**[53]** Oleh yang demikian, adalah jelas kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut adalah serius dan parah. Kanak-kanak tersebut telah menderita kesakitan tubuh yang amat sangat memandangkan rawatan susulan dibuat dari tarikh kejadian sehinggalah ke 17 Mei 2023. Justeru itu, kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut sememangnya jatuh di dalam definisi 'parah' di bawah s. 325 KK iaitu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat selama sepuluh hari.

**[54]** Sebagai seorang pengasuh kanak-kanak di sebuah taska, sememangnya responden mempunyai pengetahuan bahawa bahagian kepala seseorang bayi yang berumur hanya empat bulan adalah masih lembut. Ini menyebabkan otak bayi adalah lebih mudah terdedah kepada kecederaan berbanding dengan orang dewasa.

**[55]** Oleh itu, tindakan responden dalam menghempas dan menggoncang kanak-kanak tersebut di atas "playmat" adalah suatu tindakan yang amat zalim memandangkan tindakan responden telah menyebabkan kecederaan pendarahan dalam otak dan dalam selaput retina mangsa.

**[56]** Adalah satu ironi responden memohon hukuman yang ringan dari mahkamah bagi kesalahan yang dilakukannya itu, sedangkan responden telah bertindak zalim malah tidak menunjukkan apa-apa belas kasihan terhadap kanak-kanak tersebut apabila memperlakukannya sedemikian.

**[57]** Di sini, mahkamah ini ingin merujuk kepada satu petikan dalam penghakiman YA Abdul Rahman Sebli (kini Hakim Besar Sabah dan Sarawak) dalam kes *PP v. Shahrul Azuwan Adanan & Anor* [2013] 2 CLJ 686 yang berbunyi sedemikian:

> [16] A sentence to be of any use must have the effect of deterring not only the offender from repeating the same offence but also others from following his footsteps. The sentence must commensurate with the seriousness of the offence and must reflect the degree of public disapproval for that particular type of criminal behaviour. *The more repulsive the criminal behaviour the more severe the sentence should be. The measure of public disapproval is how the reasonable men and women on the street would react to the criminal conduct the offender is guilty of.*
>
> (penekanan ditambah)

**[58]** Berlandaskan penghakiman tersebut, hukuman mestilah setimpal dengan keseriusan kesalahan dan mesti mencerminkan tahap ketidaksetujuan orang ramai untuk jenis tingkah laku jenayah tersebut. Oleh itu, lebih menjijikkan tingkah laku jenayah maka lebih berat hukumannya. Dalam pada itu, apakah tahap ketidaksetujuan orang ramai terhadap kesalahan responden dalam rayuan ini?

**[59]** Sememangnya orang ramai akan menunjukkan tahap ketidaksetujuan yang tinggi terhadap tindakan responden yang menghempas dan menggoncang mangsa berusia empat bulan di atas "playmat" sehingga mengakibatkan pendarahan dalam otak dan dalam selaput retina. Dalam pada itu, jelas sekali hukuman denda RM50,000 biarpun adalah maksima adalah suatu hukuman yang terlampau berkurangan ("manifestly inadequate"). Lebih-lebih lagi kesalahan di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001 juga memperuntukkan hukuman penjara.

**[60]** Selanjutnya, Mahkamah Rayuan dalam *PP v. Asmarani Ghazali* [2020] 2 CLJ 319; [2019] MLJU 1719 juga telah menekankan hukuman yang dijatuhkan mesti menggambarkan keseriusan serta graviti kesalahan di samping menyampaikan kepada orang awam khasnya ibu bapa, penjaga dan pengasuh kanak-kanak untuk tidak mengambil ringan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

**[61]** Juga dinyatakan:

> Children are vulnerable and defenceless and require society and law to safeguard their interests, which cannot be trampled upon or simply ignored at the expense of a mistake/misjudgment by some adult. The full weight of the law should come down on those who deliberately cause harm to the child.

**[62]** Dalam kes *PP v. Asmarani Ghazali* (*supra*), seorang pengasuh (responden) telah menganiayai seorang anak kecil berusia dua tahun tujuh bulan yang di bawah jagaannya dengan memasukkan sebiji cili berwarna hijau ke dalam mulut kanak-kanak tersebut sehingga menyebabkan kematiannya. Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pendakwaan dan menambahkan hukuman penjara yang dijatuhkan ke atas responden dari 18 bulan ke sepuluh tahun.

**[63]** Biarpun di dalam rayuan ini, kanak-kanak tersebut tidak meninggal dunia, namun adalah tidak dinafikan bahawa beliau telah mengalami kecederaan fizikal yang serius. Sama ada kecederaan-kecederaan parah tersebut akan menyebabkan sebarang kesan kepada kanak-kanak tersebut pada masa hadapan, hanya masa yang akan menentukan.

**[64]** Selanjutnya, hakim bicara telah merujuk kepada kes *Woo Kim Wai lwn. PP* [2019] CLJU 2188; [2019] 1 LNS 2188 dan *Hossain v. PP* [2008] 7 CLJ 560; [2007] 7 MLJ 454 sebelum memutuskan bahawa hukuman denda ke atas responden adalah hukuman yang wajar dan munasabah memandangkan hukuman denda adalah pilihan pertama yang diberikan untuk hukuman di bawah s. 31(1)(a) AKK 2001.

**[65]** Dalam *Woo Kim Wai lwn. PP* (*supra*), Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah merujuk kepada *Hossain v. PP* (*supra*) dan mendapati hakim bicara langsung tidak mempertimbangkan sama ada hukuman denda wajar dikenakan sebelum menjatuhkan hukuman lima tahun penjara terhadap perayu (tertuduh) dalam rayuan tersebut.

**[66]** Biarpun demikian, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam *Woo Kim Wai lwn. PP* (*supra*) telah menjatuhkan hukuman penjara 15 bulan ke atas perayu (tertuduh) yang telah melakukan penganiayaan ke atas anaknya dengan menggunakan hanger dan tangan memukul anaknya sehingga menyebabkan beliau mengalami kecederaan fizikal biarpun tiada sebarang kecederaan dalaman.

**[67]** Sebagai bandingan, rayuan ini melibatkan kanak-kanak yang mengalami kecederaan dalaman iaitu pendarahan dalam otak dan pendarahan dalam selaput retina.

**[68]** Setelah meneliti alasan penghakiman hakim bicara, mahkamah ini mendapati hakim bicara telah gagal mengambil kira semua fakta yang relevan terutamanya fakta dan keadaan kes serta faktor kepentingan awam yang hanya akan tercapai sekiranya hukuman setimpal diberikan bagi kesalahan yang dilakukan. Sebaliknya, hakim bicara telah menitikberatkan faktor mitigasi responden yang lebih bersifat peribadi.

**[69]** Jelas sekali hukuman hakim bicara tidak menggambarkan keseriusan dan graviti kesalahan tersebut. Sememangnya faktor kepentingan awam memerlukan hukuman berbentuk deterrent agar dapat dijadikan pengajaran kepada responden secara khasnya serta peringatan kepada masyarakat secara amnya bahawa keselamatan dan kebajikan kanak-kanak tidak boleh dipandang ringan.

**[70]** Maka, adalah dapatan mahkamah ini bahawa hakim bicara telah gagal menurut prinsip undang-undang penghukuman yang telah diterima pakai lantas tersalah arah apabila menjatuhkan hukuman ke atas responden. Hukuman yang dijatuhkan gagal mengimbangi kepentingan awam dan kepentingan responden.

**[71]** Justeru itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlampau kekurangan (manifestly inadequate) dan tidak setimpal dengan kesalahan yang diperlakukan oleh responden sehingga mewajarkan campur tangan oleh mahkamah ini.

**Kesimpulan**

**[72]** Dengan yang demikian, mahkamah ini membenarkan sebahagian rayuan perayu iaitu:

(i) hukuman denda sebanyak RM50,000 jika tak bayar 12 bulan penjara diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara selama tiga tahun dari tarikh jatuh hukum iaitu 22 Jun 2023.

(ii) hukuman-hukuman sampingan yang lain iaitu bon berkelakuan baik dengan jaminan sebanyak RM2,000 dengan satu penjamin selama tiga tahun dikekalkan.

(iii) perintah khidmat masyarakat selama 120 jam dikekalkan, namun tarikh bermulanya pelaksanaan perintah tersebut iaitu dari tarikh jatuh hukum diketepikan dan digantikan dengan selepas selesai menjalani hukuman penjara.